



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berkelayakan dan berpengalaman untuk memasuki tender bagi :

No. Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
ISM.1/2010	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Dan Mentauliah Sistem Pangkalan Data Isu-Isu Sosial Untuk Kegunaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat serta Agensi di bawahnya	210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106	16 Ogos 2010 jam 12.00 tengahari Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan	Secara e-Perolehan

2. Syarikat yang ingin menyertai tender ini mestilah *e-Perolehan enabled*. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai 20 Julai 2010 (Selasa) melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. **Sesi Taklimat Tender** akan diadakan pada **26 Julai 2010** jam **10.00 pagi** bertempat di **Auditorium, Institut Sosial Malaysia, Lot PT 13856, KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, 57100 Sungai Besi, Kuala Lumpur**. Hanya syarikat yang layak dibenar menyertai sesi taklimat dan syarikat yang HADIR SAHAJA dibenarkan menyertai tender ini. Nombor rujukan bagi menyemak Dokumen Tender yang dijana oleh sistem e-Perolehan boleh diperolehi di Kaunter Pendaftaran selepas taklimat diadakan.
4. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan sijil taraf bumiputera (jika ada) beserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan).
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan pada atau sebelum **16 Ogos 2010 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**. Semua dokumen tawaran (manual dan dokumen sokongan) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bahagian atas di penjuru kiri sampul surat hendaklah dituliskan No. Tender serta Tarikh Tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Institut Sosial Malaysia** dan dialamatkan kepada :-

**Pengarah
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856, KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
57100 Sungai Besi
Kuala Lumpur**

Tawaran tender yang lewat dikemukakan melalui sistem e-Perolehan serta kelewatan menghantar dokumen sokongan sepertimana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.